



PENIPUAN PENYAMARAN DALAM TALIAN

Penipuan yang dilakukan melalui identiti palsu, seperti pegawai pemerintah, wakil dari bank, syarikat kad kredit, atau syarikat lain yang dikenali dan dipercayai. Penyamar juga boleh menggunakan akaun media sosial yang digodam atau berpura-pura sebagai seorang ahli keluarga atau rakan.



BAGAIMANAKAH IA BERLAKU?



- Selepas meraih kepercayaan anda, penyamar akan meminta maklumat peribadi seperti nombor Kad Pengenalan, butir-butir daftar masuk perbankan internet, atau Kata Laluan Sekali (OTP) anda.
- Tujuan mereka adalah untuk mengakses akaun anda, membuat pembelian palsu dan menyamar atau memeras ugut anda.
- Mereka juga mungkin mendesak anda supaya membuat pengiriman wang.
- Penyamar juga mungkin memperdayakan anda untuk memasang perisian hasad (malware) dan virus, atau aplikasi jauh (remote desktop application) di alat digital anda untuk mencuri data peribadi atau mengawal peranti anda dari jauh.
- Mereka sering menggalakkan anda supaya membuka pautan yang mencurigakan atau memuat turun lampiran fail.

MENGAPA SAYA PERLU TAHU?




Pegawai pengesanan kontak yang berhubung rapat dengan pesakit

- Semasa pandemik COVID-19, banyak cara penipuan baru yang digunakan. Contohnya, mereka menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan atau Kementerian Kewangan. Mereka juga mungkin berpura-pura sebagai pegawai pengesanan kontak untuk memperdaya mangsa mereka supaya mengongsikan maklumat peribadi.
- Mangsa penipuan penyamaran di Singapura ditipu sekurang-kurangnya \$38 juta dari Januari hingga November 2019 (menurut CNA).

#SentiasaBerwaspada

Periksa Sebelum Anda Klik

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENGETAHUI BAHAWA SAYA DISASAR PENIPUAN PENYAMARAN DALAM TALIAN?



BERIKUT ADALAH BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DIPERHATIKAN!



- Penipu sering menyamar sebagai pihak berkuasa rasmi untuk meraih kepercayaan anda.
- Mereka juga boleh menyamar sebagai syarikat telekomunikasi, bank atau penghantaran. Mereka akan mendakwa bahawa terdapat masalah terdesak dengan akaun bank, langganan telefon atau pengiriman bungkusan anda.
- Berhati-hati jika anda menerima permintaan yang kononnya daripada pegawai pemerintah atau wakil syarikat yang meminta maklumat sensitif seperti maklumat peribadi melalui e-mel atau mesej.



- Penipu boleh menggodam akaun media sosial rakan atau ahli keluarga anda dan menggunakannya untuk meminta maklumat atau wang anda.
- Berhati-hati jika rakan atau ahli keluarga anda membuat permintaan yang ganjil melalui media sosial.



- Penipu akan cuba membuat anda rasa tertekan. Mereka cuba mengancam anda dengan denda, kos guaman, pembatalan khidmat atau penangkapan jika anda tidak mematuhi arahan mereka.
- Berhati-hati jika anda didesak untuk membuat keputusan secara terburu-buru atau memberikan maklumat peribadi.

PERLU NASIHAT BERKAITAN PENIPUAN?

Hubungi Talian Bantuan Anti-Penipuan di 1800-722-6688

#SentiasaBerwaspada

Periksa Sebelum Anda Klik

Disokong oleh:




Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!



BAGAIMANA SAYA BOLEH LINDUNGI DIRI DARI PENIPUAN PENYAMARAN DALAM TALIAN?



BERIKUT ADALAH BEBERAPA CARA UNTUK LINDUNGI DIRI ANDA SEMASA BERINTERAKSI DALAM TALIAN!

- Jangan dedahkan maklumat penting seperti butiran bank atau nombor pasport anda.
- Agensi pemerintah atau perniagaan yang dipercayai tidak akan meminta maklumat peribadi melalui telefon atau platform mesej sosial.



- Berhati-hati dengan permintaan pembayaran melalui kaedah yang ganjil, seperti kad hadiah, kad prabayar, pindahan wang atau bitcoin.
- Jangan patuhi arahan untuk memuat turun lampiran atau membuka pautan sebelum sumbernya disahkan.
- Jangan berikan sesiapa akses jauh ke peranti anda, kecuali jika mereka terbukti seorang wakil rasmi syarikat atau organisasi tersebut.

- Jika anda rasa was-was dengan tujuan panggilan atau identiti pemanggil, hentikan semua perhubungan dan sahkan sama ada sumbernya boleh dipercayai.
- Jangan mengalah kepada tuntutan pemanggil jika anda merasa didesak atau digesa untuk membuat keputusan secara terburu-buru.
- Sahkan permintaan tersebut dengan menghubungi talian telefon utama organisasi atau perniagaan tersebut.



ANDA RASA ANDA TELAH TERPEDAYA OLEH PENIPUAN MENYAMAR?

Untuk bantuan polis segera, hubungi 999

#SentiasaBerwaspada

Periksa Sebelum Anda Klik



Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!